

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: COB - Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan
Sent: Sunday, April 2, 2017 4:17 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Dr. Haim Hilman bin Abdullah; Dr. Zulkiflee Bin Daud; Hanizaton Bt Hassan
Subject: GRADUAN PROGRAM DIPLOMA EKSEKUTIF PENGURUSAN PERNIAGAAN DIRAIKAN DALAM MAJLIS MAKAN MALAM BERSAMA DEKAN PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN PERNIAGAAN (SBM)



**Pusat Pengajian Pengurusan
Perniagaan**

SCHOOL OF BUSINESS MANAGEMENT

Universiti Utara Malaysia

2 April 2017 | 5 Rejab 1438H

=====

UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

Yang Berbahagia Dato' Seri/Dato'/Datin/Profesor/Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan

**GRADUAN PROGRAM DIPLOMA EKSEKUTIF PENGURUSAN PERNIAGAAN DIRAIKAN
DALAM MAJLIS MAKAN MALAM
BERSAMA DEKAN PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN PERNIAGAAN (SBM)**



SBM ONLINE: 31 Mac 2017 jam 8:30 malam, bertempat di Dewan Angsana 1, EDC Hotels & Resorts, UUM, satu majlis makan malam telah diadakan bagi meraikan 16 graduan Diploma Eksekutif Pengurusan Perniagaan.

Majlis tersebut dirasmikan oleh Dekan Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM), Yang Berusaha Prof. Dr. Haim Hilman Bin Abdullah yang melibatkan kira-kira 35 tetamu termasuklah pengurusan Program Diploma Eksekutif Pengurusan Perniagaan SBM, para graduan dan sekretariat Majlis Konvokesyen EDBM Kali Ke-11.

Yang Berusaha Dekan, telah melahirkan rasa kagum beliau dengan usaha dan komitmen graduan dalam menamatkan pengajian dan menggalakkan para graduan untuk teruskan tekad bagi menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Beliau menjanjikan komitmen dari pihak pengurusan Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan untuk membantu graduan sulung Diploma Eksekutif Pengurusan Perniagaan bagi meneruskan pengajian ke peringkat sarjana muda. Dengan memberi contoh komitmen dan usaha Micheal Phelps, seorang jaguh renang dunia, Dekan SBM menyatakan bahawa "kita yang akan berusaha untuk menjadi seorang yang terbaik untuk keluarga dan masyarakat".

Dalam majlis itu juga wakil graduan En. Muhammad Farid Nari, yang memberikan ucapan terima kasih kepada pihak SBM, berasa amat teruja dengan peluang yang diberikan oleh pihak UUM yang memungkinkan mereka menamatkan pengajian diperingkat diploma. Mewakili para graduan, beliau berterima kasih kepada pengurusan dan para pensyarah yang tidak jemu mengurus dan mengajar pelajar yang semuanya merupakan pelajar separuh masa dan sedang bekerja. Beliau mengakhiri ucapan dengan melahirkan rasa bangga kerana akhirnya dapat menjejakkan kaki di bumi Sintok.

Majlis makan malam berakhir dengan sesi foto beramai-ramai.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.